



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 13 Tahun 2015

**GARIS PANDUAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH
PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(Pindaan 2/Tahun 2015)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Garis Panduan Urusan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi Pindaan 2/2015 ini telah diluluskan pemakaiannya melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuarat ke 146 pada 27 Mei 2015.

LATAR BELAKANG

2. Urusan kenaikan pangkat bagi pensyarah perubatan, pensyarah pergigian dan pensyarah farmasi adalah berdasarkan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 18 Januari 2011.

3. Keputusan ini adalah di atas dasar penerimaan pakai surat KPT.S.500-6/10 Jld. 7 (8) bertarikh 29 Mac 2010 yang telah memaklumkan keputusan kerajaan mengenai pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi berdasarkan laluan kerjaya di Kementerian Kesihatan Malaysia dipanjangkan kepada Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

4. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meluluskan pindaan kali kedua dalam mesyuarat ke 146 pada 27 Mei 2015 dan dilaksanakan berkuatkuasa mulai 27 Mei 2015.

5. Secara umum, garis panduan ini menyediakan penambahbaikan seperti yang berikut:

5.2.1 Prosedur kenaikan pangkat ke gred VK7 (Tanpa Gelaran Profesor) bagi pensyarah perubatan, pergigian dan farmasi adalah seperti berikut:

- i. Proses penilaian dan temuduga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti.
- ii. Selepas penilaian Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti, permohonan dikemukakan ke mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Gugusan Sains Perubatan untuk perakuan.
- iii. Temubual di peringkat Pengurusan UiTM.
- iv. Permohonan dibentangkan ke Lembaga Pengarah Universiti bagi calon yang disokong.

5.2.2 Perincian kriteria kenaikan pangkat ke gred VK7 (Tanpa Gelaran Profesor) bagi pensyarah perubatan, pergigian dan farmasi.

5.2.3 Penetapan tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat boleh dikira sama ada mengikut tarikh calon memenuhi semua syarat kelayakan mengikut skim atau genap tempoh melayakkan, mana yang terkemudian, atau keputusan mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan / Lembaga Pengarah Universiti yang berkaitan.

5.2.4 Penubuhan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Gugusan Sains Perubatan.

6. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan Garis Panduan Urusan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi Pindaan 2/2015 sebagai panduan dan rujukan.

TUJUAN PELAKSANAAN

7. Garis panduan ini digubal untuk menjelaskan prosedur dan kriteria laluan kerjaya yang telah ditambahbaik bagi rujukan pihak pentadbiran dan staf akademik di Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi .

8. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan diharap dapat memaklumkan mengenai perkara ini kepada semua staf yang berkenaan.

TARIKH DIKELUARKAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan pada 3 Ogos 2015.

TARIKH KUATKUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa pada 27 Mei 2015.



PROFESOR Sr. Ir. Dr. SUHAIMI ABDUL TALIB
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 3 Ogos 2015*

**GARIS PANDUAN URUSAN
KENAIKAN PANGKAT
PENSYARAH PERUBATAN, PERGIGIAN
DAN FARMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

(Pindaan 2/Tahun 2015)

Lulus pemakaian dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti
Ke 146 pada 27 Mei 2015,
berkuatkuasa mulai 27 Mei 2015

GARIS PANDUAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Urusan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi ini telah diluluskan pemakaiannya melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke 115 pada 18 Januari 2011.
- 1.2 Keputusan ini adalah di atas dasar penerimaan pakai surat KPT.S.500-6/10 Jld. 7 (8) bertarikh 29 Mac 2010 yang telah memaklumkan keputusan kerajaan mengenai pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi berdasarkan laluan kerjaya di Kementerian Kesihatan Malaysia dipanjangkan kepada Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- 1.3 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meluluskan pindaan kali kedua dalam mesyuarat ke 146 pada 27 Mei 2015 dan dilaksanakan berkuatkuasa mulai 27 Mei 2015.
- 1.4 Dokumen ini menjelaskan kriteria laluan kerjaya bagi kenaikan pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi yang dipanjangkan pelaksanaannya di Universiti Teknologi MARA berdasarkan laluan kerjaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.5 Dasar ini **tidak terpakai** kepada pensyarah perubatan, pergigian dan farmasi bertaraf kontrak serta lantikan calon luar ke gred jawatan kenaikan pangkat.

2.0 SYARAT KENAIKAN PANGKAT

2.1 Syarat-syarat/ kriteria

- 2.1.1 Mengambil kira tempoh perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari Gred 41, **sama ada** dilepaskan dengan izin atau meletak jawatan. Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan bagi staf yang meletak jawatan diambil kira untuk tujuan kenaikan pangkat sahaja dan bukan untuk tujuan pencen/persaraan.
- 2.1.2 Mengambil kira tempoh perkhidmatan di luar negara/swasta selepas menamatkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan/Pergigian bagi menarik minat lebih ramai pakar-pakar tempatan di luar negara untuk memasuki perkhidmatan di UiTM. Tempoh perkhidmatan yang melayakkan, yang diambil kira ini adalah tempoh pengalaman bekerja yang berkaitan dalam bidang klinikal dan disahkan oleh Ketua Jabatan.
- 2.1.3 Fakulti dikehendaki menentukan bahawa calon-calon yang dikemukakan **telah** diambil kira tempoh perkhidmatan di atas, bagi tujuan kenaikan pangkat ke jawatan **sama ada** di Gred 52 atau Gred 54 (tanpa gelaran Profesor Madya). Bukti bagi tempoh perkhidmatan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya, Pejabat Pendaftar setelah diperakukan.
- 2.1.4 Tempoh perkhidmatan bagi Pensyarah Perubatan/Pergigian di Gred 51 untuk ke Gred 54 (tanpa gelaran Profesor Madya) dikira dari tarikh/tahun mula *housemanship*. Manakala Pensyarah Farmasi yang dilantik terus ke Gred 51, kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada *time-based* mulai tempoh lantikan dari Gred 41 selama 14 tahun, sekiranya tidak mencapai kecemerlangan atau kriteria yang diperuntukkan oleh Universiti Teknologi MARA.

2.1.5 Calon juga tertakluk kepada syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi iaitu;

- (i) Telah disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Bebas dari tindakan tatatertib;
- (iii) Telah mengisytiharkan harta;
- (iv) LNPT minima 80% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut atau minima 50% bagi staf cuti belajar; dan
- (v) Diperaku oleh Ketua Jabatan.

2.1.6 **Pengecualian** syarat Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) diberi kepada calon-calon kenaikan pangkat tahun 2010 berdasarkan surat Kementerian Pengajian Tinggi bil. KPT.S.500-27/2 (34) bertarikh 2.6.2010 yang memaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberi kenaikan pangkat secara pertimbangan khas kepada Pegawai Perubatan (Pentadbir/Klinikal) Gred UD41 ke Gred UD44 di Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan kelonggaran syarat, iaitu pengecualian syarat lulus PTK bagi urusan kenaikan pangkat sekiranya menerima pakai laluan kerjaya baru yang dilaksanakan di Kementerian Kesihatan Malaysia mulai 9.3.2010.

Manakala calon-calon tahun 2011 tidak tertakluk kepada syarat PTK selaras dengan pemansuhan PTK dan PTK tidak lagi menjadi syarat kenaikan pangkat mulai 1 Januari 2011, sehingga pelaksanaan sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik menjelang Jun 2011.

2.1.7 Pensyarah-pensyarah yang dinaikkan pangkat melalui laluan kerjaya ini ke Gred 54 dan VK7 adalah **tanpa gelaran Profesor Madya dan Profesor** bagi membezakan mereka dengan staf yang dinaikkan pangkat berdasarkan kriteria akademik. Gelaran Profesor Madya dan Profesor ini diberi apabila pensyarah berkenaan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti.

2.1.8 Penetapan tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat boleh dikira sama ada mengikut tarikh calon memenuhi semua syarat kelayakan mengikut skim atau genap tempoh melayakkan, mana yang terkemudian, atau keputusan mesyuarat

Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan / Lembaga Pengarah Universiti yang berkaitan.

2.2 PROSEDUR PERMOHONAN

2.2.1 Kenaikan pangkat ke gred 54 dan ke bawah:

- (i) Pihak pengurusan fakulti mengenalpasti calon berdasarkan tempoh keseluruhan yang telah ditetapkan.
- (ii) Calon-calun yang berkeelayakan beserta bukti dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya, Pejabat Pendaftar setelah diperakukan.
- (iii) Kenaikan pangkat calon-calun adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan atau mana-mana jawatankuasa yang berkenaan.

2.2.2 Kenaikan pangkat ke gred Khas C VK7 (Tanpa Gelaran Profesor)

- (i) Proses penilaian dan temuduga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti.
- (ii) Selepas penilaian Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti, permohonan dikemukakan ke mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Gugusan Sains Perubatan untuk perakuan.
- (iii) Temubual di peringkat Pengurusan UiTM.
- (iv) Permohonan dibentangkan ke Lembaga Pengarah Universiti bagi calon yang disokong.

2.3 JAWATANKUASA PENILAI

Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan Sains Perubatan ke gred VK7 (Tanpa Gelaran Profesor) adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Penolong Naib Canselor UiTM Sungai Buloh & Selayang
Ahli	:	1. Dekan Fakulti Perubatan
	:	2. Dekan Fakulti Pergigian
	:	3. Dekan Fakulti Farmasi
	:	4. Profesor dari Fakulti-Fakulti di bawah naungan Gugusan berkaitan (diwakili sekurang-kurang seorang dari setiap Fakulti). Tempoh pelantikan adalah selama 2 tahun
Setiausaha	:	Timbalan Pendaftar / Penolong Pendaftar Kanan / Penolong Pendaftar Pejabat Penolong Naib Canselor UiTM Sungai Buloh & Selayang

(Pengerusi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan dikenalpasti dan dilantik oleh Naib Canselor UiTM, manakala ahli jawatankuasa dikenalpasti oleh Pengerusi Gugusan berkaitan dan dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa))

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan:

1. Meneliti dan menyemak laporan penilaian permohonan dan temuduga oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti atau Kampus Negeri bagi permohonan ke jawatan Profesor VK7 (Tanpa Gelaran Profesor).

2. Melaksanakan penilaian bagi permohonan calon-calon ke jawatan Profesor VK7 (Tanpa Gelaran Profesor).
3. Mengesahkan dan menyokong calon-calon ke jawatan jawatan Profesor VK7 (Tanpa Gelaran Profesor).
4. Tidak menyokong permohonan calon-calon yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
5. Mendapatkan maklumat tambahan dari Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti atau Kampus Negeri, sekiranya perlu.
6. Memaklumkan kepada calon-calon kenaikan pangkat melalui Fakulti atau Kampus Negeri mengenai sebab-sebab permohonan tidak disokong serta menetapkan tempoh masa penilaian semula bagi calon-calon yang tidak berjaya di peringkat Jawatankuasa Gugusan.


Tempoh pelantikan Ahli Jawatankuasa ini adalah selama dua (2) tahun.

Dalam ketiadaan Pengerusi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan, mana-mana ahli Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan boleh dilantik sebagai Pengerusi mesyuarat.

2.4 Laluan Kerjaya Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi

URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN			URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN	
	PENSARAH PERUBATAN DAN PERGIGIAN		CATATAN		GRED	PENSARAH FARMASI
GRED	KLINIKAL	BUKAN KLINIKAL				
				41 - 46	3 tahun	Setelah mendapat Ijazah Sarjana Muda Farmasi
				41 - 52	11 tahun	
45 - 52	7 tahun berkhidmat sehingga Gred 45 atau lulus Sarjana Kepakaran, mana yang terdahulu	9 tahun berkhidmat sehingga Gred 45 atau lulus PhD, mana yang terdahulu	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan	45 - 52	8 tahun	Dari tarikh lantikan ke Gred 45
				45 - 54	11 tahun	Dari tarikh lantikan ke Gred 45
52 - 54	2 tahun di Gred 52 (Tanpa gelaran Prof. Madya. Gelaran diberi hanya jika memenuhi kriteria IPT)	3 tahun di Gred 52 (Tanpa gelaran Prof. Madya. Gelaran diberi hanya jika memenuhi kriteria IPT)	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan	51/52 - 54	3 tahun di gred 51/52	Dari tarikh lantikan ke Gred 51/52. Tanpa gelaran Prof. Madya. Gelaran diberi jika memenuhi kriteria IPT
54 - VK7 dan ke atas	1. 5 tahun sebagai Profesor Madya dan dua (2) penerbitan (di jawatan semasa Profesor Madya); atau 2. 3 tahun sebagai Profesor Madya dan 3 penerbitan (di jawatan semasa Profesor Madya)		Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan	54 - VK7	1. 5 tahun sebagai Profesor Madya dan dua (2) penerbitan (di jawatan semasa Profesor Madya); atau 2. 3 tahun sebagai Profesor Madya dan 3 penerbitan (di jawatan semasa Profesor Madya)	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Tempoh keseluruhan untuk berada di Gred 54 daripada tarikh lantikan	9 tahun	12 tahun		Tempoh keseluruhan Untuk berada di Gred 54 daripada tarikh lantikan di Gred 41	14 tahun (41-54)	

**CARTA ALIR PROSEDUR URUSAN KENAIKAN PANGKAT
MENGIKUT LALUAN KERJAYA KE GRED 54 DAN KE BAWAH**



**CARTA ALIR PROSEDUR URUSAN KENAIKAN PANGKAT
KE GRED VK7 (TANPA GELARAN PROFESOR)**

